



28 Mac 2013
28 March 2013
P.U. (A) 109

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH AKAUN PEGUAM CARA (PINDAAN) 2013

SOLICITORS' ACCOUNT (AMENDMENT) RULES 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG 1976

KAEDAH-KAEDAH AKAUN PEGUAM CARA (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 78(1) dan (2) Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*], Majlis Peguam membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Akaun Peguam Cara (Pindaan) 2013**.

Kaedah baru 7A

2. Kaedah-Kaedah Akaun Peguam Cara 1990 [*P.U. (A) 301/90*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 7 kaedah yang berikut:

“Penandatanganan kepada akaun klien

7A. Penandatanganan kepada akaun klien hendaklah seorang atau lebih daripada orang yang berikut:

- (a) seorang peguam bela dan peguam cara yang menjalankan amalan sebagai seorang pemilik tunggal;
- (b) seorang pekongsi atau pekongsi-pekongsi sesuatu firma peguam cara; atau
- (c) seorang pembantu undang-undang yang diberi kuasa secara nyata oleh seorang pemilik atau seorang pekongsi atau pekongsi-pekongsi sesuatu firma peguam cara.”.

Pindaan kaedah 8

3. Kaedah 8 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (2) perenggan yang berikut:

“ (3) Tiada wang boleh dikeluarkan daripada akaun klien melalui cek tunai atau cek pembawa kecuali bagi pembayaran bayaran ganti yang telah dibelanjakan atau telah didahulukan khusus bagi sesuatu transaksi atau perkara yang peguam cara itu telah ditempah untuk bertindak oleh seorang klien.

(4) Tiada wang boleh dikeluarkan daripada akaun klien melalui —

(a) mesin teler automatik;

(b) khidmat perbankan melalui telefon; atau

(c) khidmat perbankan atas talian kecuali bagi membuat apa-apa pembayaran secara elektronik kepada pihak berkuasa yang berkenaan atau badan bagi duti setem, cukai keuntungan harga tanah, fi carian, fi pemfailan atau fi pendaftaran atau maksud lain yang diluluskan oleh Majlis Peguam dari semasa ke semasa.

(5) Wang yang dipegang bagi seorang klien tidak boleh digunakan bagi pembayaran klien lain tanpa arahan bertulis klien yang baginya wang itu dipegang.”.

Pindaan kaedah 11

4. Kaedah 11 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperenggan (2)(ii) dengan subperenggan yang berikut: